



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

KENYATAAN MEDIA

MALAYSIA KOMITED PERKUKUH AGENDA BIODIVERSITI GLOBAL

Malaysia komited memperkukuh pelaksanaan agenda biodiversiti global dengan menekankan pelaksanaan *Kunming-Montreal Global Biodiversity Framework* (KMGBF) memerlukan intervensi segera di peringkat tempatan.

Sebagai sebuah negara *megadiverse*, Malaysia telah mengintegrasikan KMGBF ke dalam Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (DKBK), dengan kesedaran bahawa pencapaian matlamat kedua-dua panduan tersebut bermula daripada pemeliharaan hutan, perlindungan terumbu karang, serta digerakkan melalui usaha murni komuniti tempatan.

Bukan itu sahaja, Malaysia merupakan antara negara Parti yang telah mengemukakan Laporan Kebangsaan Ketujuh (7NR) menjelang Persidangan Parti-parti kepada Konvensyen Kepelbagaian Biologi Ke-17 (COP17).

Proses ini bukan sekadar memenuhi keperluan pelaporan semata-mata, sebaliknya menjadi medan untuk menyusun semula usaha bersama ke arah masa hadapan yang positif terhadap alam semula jadi.

7NR mengetengahkan pelbagai pencapaian negara yang signifikan, antaranya mengekalkan lebih daripada 54% kawasan litupan hutan serta memperkukuh pelaksanaan Insentif Kewangan bagi Konservasi Biodiversiti dan Hutan (*Ecological Fiscal Transfer For Biodiversity Conservation – EFT*).

Selain itu, ini termasuk juga dengan pelantikan renjer komuniti bagi melindungi biodiversiti; melaksanakan program pemulihan ekosistem berskala besar; memperkukuh mekanisme perkongsian maklumat (*clearing-house mechanism*) yang diiktiraf di peringkat antarabangsa; menubuhkan platform khusus berkaitan sektor perniagaan dan biodiversiti; serta mendokumentasikan pengetahuan tradisi secara sistematik.

Pencapaian ini amat signifikan serta mencerminkan komitmen bersama bertepatan dengan tema Hari Biodiversiti Antarabangsa 2026, "Tindakan Lokal, Impak Global",

Malaysia turut mengamalkan pendekatan seluruh negara (*Whole-of-Nation*) dan seluruh masyarakat (*Whole-of-Society*) melalui inisiatif-inisiatif progresif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri, kepimpinan inovatif sektor swasta dan masyarakat sivil, serta peranan penting masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan sebagai penjaga

khazanah alam semula jadi negara. Pada masa yang sama, kemunculan generasi belia sebagai peneraju agenda biodiversiti turut menjadi pemangkin utama dalam memperkukuh kemajuan negara.

Malaysia kekal komited dalam memperkuat peranan semua pihak berkepentingan untuk terus memelihara biodiversiti yang menyokong ekonomi, kesejahteraan masyarakat dan masa hadapan bersama. Namun demikian, dalam kita mengorak langkah menuju tahun 2030, usaha untuk merapatkan jurang antara sasaran global dan realiti pelaksanaan di peringkat tempatan adalah amat penting.

Saya menyeru agar kerjasama antarabangsa terus diperkukuhkan, khususnya dalam aspek pembinaan keupayaan dan mobilisasi sumber, bagi memastikan tiada negara mahupun ekosistem yang tercicir daripada usaha pemuliharaan biodiversiti.

Saya berharap kita dapat terus memperluas tindakan tempatan yang telah banyak menyumbang secara signifikan kepada agenda global, selain terus mengeratkan kerjasama strategik menjelang COP17 di Yerevan, Armenia dengan tema “Bertindak Untuk Alam Semula Jadi” (*Taking Action for Nature*).

Sesungguhnya, kesihatan bumi adalah refleksi kepada setiap tindakan manusia. Sekian lama, kita menganggap biodiversiti sekadar sumber untuk dieksploitasi, tanpa menyedari bahawa ia merupakan sistem sokongan kehidupan yang amat kritikal bagi kelangsungan hidup kita semua.

Walaupun aktiviti manusia telah memberi tekanan hebat kepada ekosistem, namun kita perlu menyedari bahawa tindakan manusia juga merupakan penggerak utama yang mampu memulihkan semula ekosistem.

NRES terus memperkuat daya tahan negara dalam mendepani Krisis Bekalan Global. Pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti akan mengukuhkan jaminan bekalan makanan, sumber air, dan bahan mentah, seterusnya memastikan keselamatan dan kemampanan rantai bekalan negara.

Biodiversiti adalah kehidupan kita, warisan kita dan masa hadapan kita.

Selamat Menyambut Hari Biodiversiti Antarabangsa 2026.

DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
22 MEI 2026

